

PM minta swasta majukan pertanian

UM 14 JUL 2001

Oleh FAUZI JAAFAR

PUTRAJAYA 13 Julai — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini hari ini berkata, sektor swasta perlu mempergunakan insentif khusus yang disediakan kerajaan terutamanya dalam sektor pertanian.

“Saya menggesa sektor swasta mengambil inisiatif untuk memajukan lagi pembangunan sektor (pertanian) ini bukan sahaja untuk mengurangkan bil import (makanan) yang besar tetapi juga berupaya membendung tekanan inflasi,” kata beliau di dalam ucapan alu-aluannya untuk Sesi Dialog Belanjaan 2002 di sini.

Dialog belanjawan 2002 kali ini yang bertemakan, Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Penguatan Daya Tahan dan Peningkatan Daya Saing adalah merupakan sesi kedua yang bertumpu kepada sektoral, membabitkan sektor-sektor utama negara.

Menurut Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan, pengeluaran sektor pertanian yang meningkat 12 peratus pada suku pertama tahun ini adalah menggalakkan memandangkan ia melebihi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.2 peratus.

Ini menunjukkan sektor itu mempunyai potensi untuk berdaya maju, jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, sektor pertanian masih kurang mendapat sambutan yang menggalakkan.

Untuk memajukan lagi sektor itu, katanya, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu di-

pergiatkan dengan memberi tumpuan kepada usaha-usaha hiliran supaya dapat menghasilkan pelbagai penggunaan barangan pertanian.

Penggunaan baru minyak kelapa sawit dalam bidang kimia dan bioteknologi boleh diperkembangkan secara meluas, begitu juga bagi keluaran-keluaran komoditi seperti produk perkayuan dan getah memandangkan permintaan keluaran barangan negara di pasaran antarabangsa adalah tinggi.

Bagi sektor perkhidmatan pula, Dr. Mahathir memberitahu, sektor tersebut menyumbang sebanyak 50 peratus kepada KDNK dan boleh dipertingkatkan lagi memandangkan sumbangannya di negara-negara maju adalah di antara 60 peratus

hingga 70 peratus kepada KDNK.

“Sektor perkhidmatan, memainkan peranan penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi,” jelas beliau.

Perdana Menteri itu berkata, antara aktiviti yang boleh dimajukan lagi ialah di sektor kecil pelancongan, pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan juga terdapat potensi untuk memajukan lagi sektor-sektor pemborongan dan peruncitan serta insurans perbankan dan kewangan.

Malah katanya, kemajuan sektor-sektor berkenaan bukan sahaja dapat mengurangkan defisit akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara tetapi juga dapat merangsang pembelanjaan penggunaan tempatan.

Langkah-langkah itu

juga dapat memperkukuhkan daya tahan negara daripada risiko luar, kata Perdana Menteri lagi.

“Justeru itu, kita perlu berusaha meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan kesihatan serantau, di samping memajukan lapangan terbang negara sebagai tarikan persinggahan terunggul di rantau ini,” katanya.

Selain itu, beliau turut menggesa semua pihak terutamanya sektor swasta supaya menggunakan sepenuhnya semua kemudahan yang berkualiti di dalam negara dan tidak pergi ke mana-mana kemudahan yang terdapat di luar negara.

Jelas beliau, bagi mereka yang telah pun diakui mempunyai kepakaran dan kekuatan dalam

bidang-bidang tertentu, mereka seharusnya bersedia mengeksport perkhidmatan untuk menembusi pasaran dan beroperasi dengan cemerlang di luar negara.

Sementara itu bagi sektor perkilangan pula, pertumbuhannya yang perlahan dengan peningkatan nilai ditambah perkilangan sebanyak 3.7 peratus pada suku pertama tahun ini, berbanding dengan prestasinya yang kukuh pada tahun lalu telah mendedahkan kelemahan sektor itu kepada risiko luar.

Ini memandangkan barangan perkilangan termasuk barangan elektronik menyumbang 85 peratus kepada pendapatan eksport negara pada tahun 2000.

Untuk mengurangkan daripada terlalu bergantung kepada eksport sebegini, Dr. Mahathir berpendapat pengusaha-pengusaha perlu mempelbagaikan eksport barangan dan meluaskan pasaran eksport seperti barangan-barangan elektrik dan alat-alat perkakas ke negara-negara Timur Tengah dan negara-negara lain.

Usaha juga perlu dilakukan untuk mempercepatkan program penggantian import serta menceburi bidang-bidang pengeluaran berasaskan teknologi tempatan katanya.

Sehubungan itu, punca-punca pertumbuhan baru khususnya pengeluaran yang berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi harus dikenal pasti dan diperkembangkan, ujar beliau lagi.

Pada sesi dialog kali kedua ini, seramai 180 orang peserta yang mewakili 40 buah agensi serta pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan hadir pada majlis itu.